

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Dr Muhamad Razak Idris
Pensyarah di Fakulti Pengajian
Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia (UKM)



Universiti medan intelektual terbuka

Satu budaya baharu ilmiah dijangka mula subur dan rancak di pusat pengajian tinggi di Malaysia dalam tempoh terdekat selepas Kementerian Pendidikan mengambil langkah progresif mengarahkan sebarang bentuk sekatan atau larangan yang menghalang kepada kepesatan perbahasan dan debat ilmiah yang positif, dihentikan.

Menteri Pendidikan, Dr Mazlee Malik, jelas mahu agar universiti menjadi medan intelektual terbuka. Dalam erti kata lain, universiti akan berpeluang dengan lebih terbuka untuk tempoh waktu akan datang merealisasikan falsafahnya sebagai medan memperkasa pemikiran tinggi dan menjadi pusat bagi pembinaan idea terbaik kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Sikap baharu Kementerian Pendidikan ini hendaklah dialu-alukan oleh segenap warga akademik. Ia satu peluang dan kesempatan yang perlu dimanfaatkan ahli akademik terutama ke arah meningkatkan peranan intelektualisme mereka bagi mengisi cabaran negara di era masyarakat terbuka hari ini.

Proses membangunkan pemikiran tinggi memerlukan satu iklim budaya yang positif. Penjanaan idea baru akan terbantu sekiranya warga akademik diselubungi sindrom rasa bimbang keterlaluan bagi mengupas sebarang ben-

tuk idea dan pandangan yang pada pertimbangan objektif mereka perlu diketengahkan kepada perhatian pemerintah dan rakyat jelata.

Sindrom kebimbangan

Pada masa lalu, sindrom kebimbangan itu tinggi. Misalnya, perancangan sebarang kegiatan ilmiah di universiti hendaklah me-



Neraca penilaian baharu ini hakikatnya tonggak yang akan menjadikan universiti sebagai menara gading yang dimuliakan seluruh rakyat. Budaya universiti yang dipandu oleh keunggulan wibawa kesarjanaan akan melonjakkan kedudukan warga ilmuwan sejati sebagai kelompok teras utama dalam struktur pembinaan negara”

ngambil kira sensitiviti tertentu dari segi panel atau tema perbahasan.

Sesetengah tokoh atau pendedah yang dipilih tidak dijemari manakala isu tertentu yang hendak diperdebatkan tidak digalakkan, malah berkemungkinan dihalang sekiranya kecenderungannya didapati boleh mengundang pertentangan kepentingan dengan pihak yang berkepentingan.

Tokoh yang berorientasikan pendirian politik bertentangan dengan pemerintah semasa kebiasaannya sukar mendapat ruang wacana di pentas ilmiah.

Menerusi dasar keterbukaan baru oleh Kementerian Pendidikan ini, diharapkan ia akan menurunkan kadar kebimbangan itu.

Ahli akademik kini boleh mula merancang kegiatan ilmiah berpandukan tujuan khusus yang ditentukan bersama dengan lebih rancak.

Warga akademik memerlukan budaya diskusi terbuka bagi memenuhi tujuan ilmiah tersendiri terutama bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan. Sejarah dengan semangat kepenyelidikan yang menjadi fokus pusat pengajian tinggi hari ini, warga akademik kini terbuka untuk mengenal pasti sumber dan permasalahan ilmiah yang paling berwibawa bagi mencapai tujuan ilmiah yang digariskan.

Seluruh kepakaran dalam bidang kini boleh digembleng dengan meluas bagi tujuan mendapatkan input, sikap dan pemikiran yang paling berwibawa dan terkini.

Pergerakan mahasiswa

Sikap terbuka ini juga akan memberi kesan positif kepada warga mahasiswa. Mahasiswa secara langsung akan mendapat manfaat bersama dari kesuburan wacana ilmiah yang digerakkan oleh warga akademik di universiti.

Pergerakan mahasiswa juga, sebagaimana warga akademik, hendaklah mengambil kesempatan mendekati sumber ilmiah yang difikirkan sesuai sama ada dari lingkungan akademik dalaman atau dari rangkaian dan institusi luar untuk terbabit sama dalam wacana ilmiah yang disepakati.

Dorongan keterbukaan ini tentunya perlu disandarkan dengan prinsip etika dan akhlak. Dalam erti kata lain, keterbukaan sikap baru ini tidak boleh disalahgunakan bagi tujuan misalnya, merumitkan perselisihan agama dan kaum, menerapkan doktrin atau fahaman tertentu yang bertentangan dengan kepentingan umum

atau menyebarkan propaganda kelompok yang sempit.

Kita mengajurkan pentadbir universiti membangunkan gans panduan baharu kepada warga akademik dan mahasiswa menjelaskan sempadan etika dan akhlak yang perlu dipatuhi dalam pengajaran sebarang inisiatif wacana ilmiah.

Penekanan hendaklah mendorong kepada penyuburan ilmiah yang didasarkan kepada persembahan ilmu yang objektif, rasional dan produktif berpandukan semangat keterbukaan berhemah.

Wacana ilmiah hendaklah menyumbang kepada pemerikasaan perpaduan negara, merekayasa pembangunan peradaban, mengukuhkan kesesuaian dan membina dasar pemikiran rakyat berpandukan sumber dan sandaran kebenaran yang diakui.

Neraca penilaian baharu

Idea universiti sebagai medan intelektual terbuka akan membenarkan hak saksama kepada sesiapa yang mempunyai data dan hasil ilmiah yang objektif dan rasional untuk dikongsi kepada warga akademik.

Latar belakang agama, keturunan atau pendirian politik seseorang tidak boleh dijadikan alasan bagi menghalang mereka terbabit menyumbang pandangan dan idea bernas, selagi tidak mengandungi unsur yang menyalahi rukun negara, perlembagaan dan prinsip akhlak serta ajaran agama.

Dalam medan intelektual terbuka ini, idea yang bernas dan terbaik yang akan mendapat kedudukan dan penghormatan tinggi warga ilmiah, sama ada ia disumbangkan oleh orang yang kerdil dari segi kedudukan dan perjawatan.

Neraca penilaian baharu ini hakikatnya tonggak yang akan menjadikan universiti sebagai menara gading yang dimuliakan seluruh rakyat. Budaya universiti yang dipandu oleh keunggulan wibawa kesarjanaan akan melonjakkan kedudukan warga ilmuwan sejati sebagai kelompok teras utama dalam struktur pembinaan negara.

Pada masa hadapan, universiti akan terus menyumbang kepada kelahiran golongan ilmuwan yang dapat menjalankan amanah kepemimpinan ilmu sebagai kelompok pencerdas pemikiran rakyat, pencerah kekusutan minda, seterusnya memandu negara mengatasi cabaran ketamadunan semasa ke arah mencapai keunggulan di pentas sejarah peradaban dunia moden masa kini.